



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA
MAJLIS PERASMIAN APEC WOMEN CYBERCRIME-FREE WORKSHOP
FOR SECURE ONLINE TRADING IN 4TH INDUSTRIAL REVOLUTION

KUALA LUMPUR, 13 SEPTEMBER - YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah merasmikan projek "APEC Women Empowerment through Cybercrime-Free Workshop for Secure Online Trading in the 4th Industrial Revolution" di Cititel Mid Valley.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) merupakan *focal point* Malaysia bagi kumpulan kerja *Policy Partnership on Women and the Economy* (PPWE) di bawah *Asia-Pacific Economic Cooperation* (APEC) yang bertanggungjawab dalam hal ehwal wanita dan ekonomi.

Sebagai usaha memperkasakan wanita dalam ekonomi, KPWKM bersama rakan strategik projek, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah melaksanakan projek tersebut dengan empat (4) anggota ekonomi APEC sebagai penaja-bersama iaitu Indonesia, Papua New Guinea, Peru dan Viet Nam. Pelaksanaan projek ini menunjukkan komitmen dan kepimpinan Malaysia dalam memenuhi komitmen antarabangsa susulan kehadiran YB Menteri selaku ketua delegasi semasa Mesyuarat 13th APEC Women and the Economy Forum di Seattle, Washington, Amerika Syarikat dari 17 hingga 20 Ogos 2023.

Projek yang berbentuk bengkel diadakan pada 12 dan 13 September 2023 adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran wanita terhadap aktiviti jenayah perniagaan dalam talian, berkongsi amalan terbaik dan mencadangkan tindakan pencegahan yang boleh dilaksanakan. Projek ini juga bertepatan dengan fokus PPWE berdasarkan inisiatif serantau di bawah *La Serena Roadmap for Women and Inclusive Growth* (2019-2030) untuk meningkatkan keupayaan wanita dalam perniagaan dan ekonomi digital di samping mengintegrasikan kerjasama antara anggota ekonomi APEC.

Bengkel ini telah dihadiri oleh lebih 100 peserta yang merangkumi wakil-wakil dari anggota ekonomi APEC, Kerajaan, ahli akademik, pemain industri dan NGO.

###

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
13 SEPTEMBER 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)

Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8323 2037

kpwkm kpwkm kpwkm kpwkmtv kpwkm